

**TEKS ALUAN (TALKING POINTS)**  
**Y.BRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PENYERAHAN PERANTI SISWA UTeM  
DAN PELANCARAN KARNIVAL BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT UTeM**  
19 Oktober 2022 (Rabu), 3.30 petang, Dewan Canselor UTeM

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **SALUTASI**

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Haji Sulaiman bin Md Ali**  
Ketua Menteri Melaka

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-pegawai Kanan Universiti;

Wakil Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (K-KOMM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dewan Bahasan dan Pustaka (DBP) dan ADABI;

Seterusnya para hadirin, mahasiswa dan mahasiswi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Salam Keluarga Malaysia, dan Salam Keluarga UTeM.

Salam saya dari bumi Turki. Pertama sekali, saya mohon seribu kemaafan kepada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama secara fizikal, disebabkan terdapat urusan rasmi di luar negara ketika ini.

1. Walaubagaimanapun, setinggi-tinggi syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana **Majlis Penyerahan Peranti Siswa UTeM dan Pelancaran Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat UTeM dapat dianjurkan pada petang ini di Dewan Canselor UTeM.**
2. Pertamanya, saya turut berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, kerana sudi meluangkan masa bagi menghadiri Majlis yang penuh bermakna pada petang ini.

3. Terima kasih juga di atas kepercayaan dan sokongan padu yang diberikan oleh semua pihak, khususnya mereka yang memberi sumbangan peranti siswa kepada pelajar UTeM iaitu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak Kerajaan Negeri Melaka bagi merealisasikan agenda kebijakan pelajar di UTeM terlaksana.
4. Tentunya, saya juga turut ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta ADABI kerana sudi menjadi rakan kolaborasi strategik UTeM dalam penganjuran Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat UTeM.

**Hadirin sekalian,**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

5. Pihak UTeM sentiasa komited dan prihatin dalam memastikan aspek kebijakan dan kesejahteraan pelajar diberi perhatian sewajarnya, sejajar dengan slogan tahun 2022, sebagai tahun kebijakan pelajar.

6. Pada hari ini, di bawah inisiatif K-KOMM, dengan kerjasama KPT dan Kerajaan Negeri Melaka, sebanyak 3,109 Peranti Siswa Keluarga Malaysia akan diserahkan kepada pelajar B40 UTeM yang telah memenuhi kriteria permohonan. Ini jumlah yang sangat membanggakan!
7. Pada masa yang sama, UTeM turut meraikan keagungan bahasa Melayu menerusi Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat UTeM yang telah bermula sejak semalam. Difahamkan pelbagai program dan aktiviti yang bermanfaat ke arah memartabatkan bahasa jiwa bangsa telah dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Bahasa dengan kerjasama pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Tahniah diucapkan!
8. Akhir kata, saya berharap agar para pelajar dapat menggunakan kemudahan Peranti Siswa ini dengan sebaiknya, dalam proses pembelajaran dan pengajaran, sekaligus berupaya meningkat kecemerlangan akademik serta ko-kurikulum seterusnya melahirkan TUAH UTeM yang terbilang.

9. Sekali lagi, saya menzahirkan terima kasih kepada pihak K-KOMM, KPT dan Kerajaan Negeri Melaka atas segala usaha, dalam menyerahkan sumbangan peranti siswa ini.
10. Semestinya, ucapan tahniah dan syabas juga kepada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, kerana telah bertungkus lumus dalam menjayakan program dan inisiatif ini, menukar mimpi menjadi realiti. Terima kasih juga, kepada semua pimpinan dan warga UTeM yang turut sama-sama terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam kejayaan program ini. Semoga kita semua terus cemerlang!

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kalau tuan ke hujung muara,  
Jangan di pancing si ikan semilang,  
Peranti di beri pemudah cara,  
Menjadi wadah siswa terbilang.

Merah warnanya si bunga raya,  
Kembang mekar di hujung desa,  
Siswa UTeM peneraju budaya,  
Menjulang tinggi martabat Bahasa.

Terima kasih.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah \* Wassalamualaikum \* Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

